

JAWATAN : PEGAWAI BELIA DAN SUKAN (S41)

Syarat Lantikan:

- (i) Calon berumur tidak kurang daripada 21 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
DAN
- (ii) Memiliki Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
DAN
- (iii) Memiliki kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memperolehi Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu
- (iv) Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Belia dan Sukan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Belia dan Sukan Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan

- (a) Mempunyai kelayakan di (ii); **ATAU**
 - (b) Lulus Peperiksaan Khas
- (v) Gaji : Minimum RM2,078.00
Maksimum RM9,544.00

(vi) Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab merangka, merancang, mengurus dan melaksanakan dasar/program/projek berkaitan sukan termasuk kerja-kerja menyelaras kegiatan-kegiatan berkenaan, memberi nasihat, bimbingan, kursus, membuat kajian keperluan sukan dan jenis-jenis sukan, merancang dan melaksanakan program pembangunan di pelbagai peringkat.

JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI BELIA DAN SUKAN (S29)

Syarat Lantikan:

- (i) Calon berumur tidak kurang daripada 21 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
DAN
- (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **ATAU**
- (iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **ATAU**
- (iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
DAN
- (v) Memiliki kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memperolehi Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu.
- (vi) Gaji : Minimum RM1,362.00
Maksimum RM5,092.00
- (vii) Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab menguruskan dan melaksanakan program/projek berkaitan sukan termasuk kerja-kerja menyelaras kegiatan-kegiatan berkenaan, memberi nasihat, bimbingan, kursus, membuat kajian keperluan sukan dan jenis-jenis sukan, merancang dan juga melaksanakan program pembangunan di pelbagai peringkat.

JAWATAN : PEMBANTU OPERASI (N11)

Syarat Lantikan:

- (i) Calon berumur tidak kurang daripada 21 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; **DAN**
- (ii) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]; **DAN**
- (iii) memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (iv) Gaji : Minimum RM1,216.00
Maksimum RM2,983.00
- (v) Deskripsi Tugas :

Melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat sehari-hari melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat/dokumen/saman/notis serta bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas operasi am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam pejabat.

JAWATAN : PEMANDU KENDERAAN (H11)

Syarat Lantikan:

- (i) Calon berumur tidak kurang daripada 21 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; **DAN**
- (ii) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; **DAN**
- (iii) Memiliki Lesen Memandu Kompeten Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan; **DAN**
- (iv) berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini. Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu; **DAN**
- (v) memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (vi) Gaji : Minimum RM1,218.00
Maksimum RM2,939.00
- (vii) Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan.